

→ BISNES

Sunway REIT beli tanah RM17.2 juta di Pulau Pinang

Amanah Pelaburan Hartanah Sunway (Sunway REIT) memeterai perjanjian jual beli dengan Commercial Parade Sdn Bhd, yang juga anak syarikat Sunway Bhd, bagi pembelian sebidang tanah pegangan pajakan di Seberang Prai Tengah, Pulau Pinang pada pertengahan tahun RM17.20 juta.

Sunway REIT dalam makluman kepada Bursa Malaysia, menyatakan cadangan pengambilalihan itu akan diampung sepenuhnya menerusi pembiayaan hutang sedia ada.

Tanah terletak bersebelahan pusat beli-belah Sunway Carnival miliknya itu, akan dapat memenuhi pelan bagi menambah ruang sewaan di pusat beli-belah itu.

Pembinaan bangunan tambahan

Ini, katanya, akan direalisasikan menerusi pembinaan bangunan tambahan merangkumi pusat beli-belah sembilan tingkat, termasuk enam tingkat tempat letak kereta di atas ruang sewaan dan satu tingkat tempat letak kereta bawah tanah.

Sunway REIT berkata, penambahan itu + dijangka meningkatkan pendapatan masa depan syarikat dan membolehkan pengurus REIT kumpulan memenuhi keperluan ruang sewaan diingini peruncit antarabangsa dan serantau.

La juga akan membolehkannya memper-tingkatkan aspek campuran penyewa dan mengurangkan impak ekonomi pendapan sewaan secara menyeluruh, selain terus memenuhi keperluan gaya hidup pengun- jung pusat beli-belah itu, katanya.

Cadangan pengambilalihan itu juga dijangka mewujudkan nilai kepada pemegang saham bagi jangka panjang berdas- arkan rekod pencapaian syarikat.

Sementara itu, Sunway Bhd dalam kenya- taan berasing berkata penjualan tanah itu akan membolehkan Commercial Parade memanfaatkan nilai tanah dan membo- lehkan usaha perluasan Sunway Carnival dilakukan.

Menurutnya, Commercial Parade meran- cang menggunakan hasil penguatan tanah itu bagi memperoleh saham keutamaan boleh tebus bukan terkumpul bernilai RM9.3 juta dan membayar pemegang sahamnya dalam bentuk dividen.

Info

Sunway REIT

→ **Aset Sunway REIT** terletak di lokasi utama di Sunway Resort City, yang mana terletaknya aset utama Sunway Pyramid Shopping Mall, Sunway Resort Hotel & Spa, Sunway Pyramid Hotel East (sebelum ini dikenali sebagai Pyramid Tower East), Menara Sunway dan Sunway Medical Centre.
→ **Di utara Semenanjung Sunway REIT** memiliki SunCity Ipoh Hypermarket di Perak, Sunway Hotel Seberang Jaya dan Sunway Carnival Shopping Mall di Pulau Pinang.

Info

Projek Bina Puri di Johor

→ **Pembinaan dua blok menara pejabat** 23 tingkat di Medini Iskandar bernilai

RM195 juta
→ **Pembangunan Kediaman Petrie Villa** bernilai RM110 juta

→ **Pembangunan bersama** 412 unit rumah teres dua tingkat di Masai bernilai RM204 juta

[FOTO HIASAN]



Petrie Villa projek yang dalam pembinaan di Johor Bahru.

Bina Puri dapat kontrak ketiga di Penggerang

→ **Projek RM73j babit pembinaan pengelas paip, perkhidmatan bawah tanah**

Oleh Ahmad Fiesal Othman
fsal@bh.com.my

Bina Puri Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Bina Puri Holdings Bhd, dianggarkan kontrak bernilai RM73 juta oleh Puri Lloyd Sdn Bhd bagi membina pengelas paip dan perkhidmatan bawah tanah di Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Penggerang, Johor.

Kerja berkenaan akan disiap- apkan dalam tempoh 18 bulan, dengan skop kerja termasuk membekal semua bahan dan pembinaan perkhidmatan bawah tanah yang terbabit.

Namun, ia tidak terhad kepada paip untuk kumbahan, bekalan air, saluran utama, parti dan semua ciri keselamatan yang lain serta kerja merata dan penggedan untuk tanah terbabit di tapak tangki pena- pisan.

Ia adalah projek ketiga Bina Puri di RAPID, yang mana dua kontrak lain, masing-masing bernilai RM94.94 juta dan RM230 juta diperoleh tahun lalu.

Pengerah Eksekutif Kumpul- lan Bina Puri, Mathew Tee, ber- kata dengan kontrak terbaharu itu, nilai projek dalam tangan yang belum dibina kumpulan itu kini bernilai RM1.62 bilion.

Sumbangan positif
Katanya, projek itu akan mem- beri sumbangan positif kepada aset dan pendapatan bersih syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

Beliau berkata, pendedahan besar Bina Puri terutama dalam loji petrokimia terbesar negara di Penggerang dikuatkan oleh faktor keupayaan syarikat untuk menyiapkan kerja.

“Sebagai pembina contoh, kami menunjukkan keupayaan untuk melaksanakan apa juga jenis kontrak, sama ada di atas



Pendedahan besar Bina Puri terutama dalam loji petrokimia terbesar negara di Penggerang dikuatkan oleh faktor keupayaan syarikat untuk menyiapkan kerja”

Mathew Tee,
Pengerah Eksekutif Kumpulan Bina Puri

atau bawah tanah dan perkara rumit membabitkan kedua- duanya.

Projek pembinaan

“Bina Puri akan menyaksikan lebih banyak pembabitannya dalam projek pembinaan tahun ini sejajar yang digariskan oleh kerajaan dalam Bajet 2016 dan Rancangan Malaysia Ke-11,” kata- nya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Bina Puri mempunyai sejum- lah besar projek yang sedang dijalankan di Johor, merangkui- ni dua blok menara pejabat 23 tingkat di Medini Iskandar ber- nilai RM195 juta, pembangunan Kediaman Petrie Villa bernilai RM110 juta dan pembangunan bersama 412 unit rumah teres dua tingkat di Masai, Johor, dengan kontrak bernilai RM204 juta.

Bersama-sama dengan dua lagi projek yang disiapkan pada 2011, iaitu kompleks kem Batalion 6 Polis Diraja Malaysia (PDRM) bernilai RM300 juta dan Sambungan Penyuratan Timur bernilai RM293 juta di Johor Baru, syarikat itu mempunyai nilai pembangunan Kasar (GDV) terkumpul RM1.499 bilion di Johor.